



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12(35)
Tarikh : 10 Julai 2023
Bersamaan : 21 Zulhijah 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL.33/2023/O: PEMAKLUMAN MENGENAI CAJ YANG DIKENAKAN (EXPIRY FEE) BAGI KIRIMAN WANG (MONEY ORDER) YANG DIKELUARKAN OLEH PEJABAT POS MALAYSIA BERHAD

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bermula pada Januari 2021 *Money Order/ Postal Order* (MOPO) telah digabungkan menjadi *Money Order* sahaja. Tarikh sah *Money Order* adalah dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir bulan dikeluarkan. Sebagai contoh: jika *Money Order* dikeluarkan pada 15 Januari 2023, tarikh tamat tempoh adalah pada 30 April 2023).

3. Untuk makluman, terdapat caj yang akan dikenakan kepada penuntut/bank sekiranya *Money Order* diterima dan diproses selepas tarikh tamat tempoh tersebut. Caj-caj yang dikenakan ke atas *Money Order* terkandung di dalam Pekeliling Operasi Pos Malaysia (*Revised 2021*) dan amaun caj tersebut adalah seperti berikut:

Nilai <i>Money Order</i>	Amaun Caj Fi
RM 0.00 – RM 49.99	RM 3.90
RM 50.00 dan ke atas	RM 5.90

4. Sehubungan dengan itu, **Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan *Money Order* ditunaikan dengan SEGERA dalam tempoh sah lakunya.** Tindakan tersebut boleh dilaksanakan melalui kaunter bank selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 bagi mengelakkan sebarang *Expiry Fee* (caj yang dikenakan sekiranya *Money Order* diterima dan diproses selepas tarikh tamat tempoh).

5. Sebarang ketidakpatuhan ke atas Arahan Kerja ini, yang mengakibatkan pembayaran caj *Expiry Fee* dikenakan, pembayaran caj ini adalah di bawah tanggungjawab PTJ. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai di jabatan ini seperti berikut:

- i) Nur Azira binti Abd Rahman di talian 06-2895003
- ii) Nor Azlina binti Abdul Rahman 06-2895007
- iii) Nurazimah Binti Mohd Salleh di talian 06-2895077

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.